

BAHAGIAN A [20 markah]

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1-2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 Peserta dari SMK Tanjung Ara telah memenangi acara _____ lembing peringkat negeri Kelantan.

- A merejam
- B melontar
- C membaling
- D melempar

2 Alif tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajarannya kerana bimbang _____ kesihatan ibunya di rumah.

- A pada
- B akan
- C tentang
- D dengan

Soalan 3-4

Ayat-ayat di bawah mungkin mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

3 Encik Bakri menghadiahi sebatang pen berjenama kepada anak sulungnya yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.

Tiada kesalahan.
D

4 Erina dan Ching Yee memakai pakaian yang seiras ketika keluar membeli-belah di pekan. Tiada kesalahan.

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 5 I Luas ladang itu ialah empat ekar.
 - II Nadiah mewarisi tanah yang luas daripada ayahnya.
 - III Azri suka berkawan dengan Sabri kerana pengetahuannya dalam bidang pertanian sangat luas.
 - IV Hatiku luas sekiranya ibu dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Marzuki.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 6-7

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 6 Generasi muda kini perlulah bersedia dari segi mental dan fizikal dalam menghadapi cabaran di alaf baru.
- A hadapi cabaran di alaf baru
B berhadapan cabaran pada alaf baru
C menghadapi cabaran pada alaf baru
D menghadapi cabaran di alaf baru

- 7 Usaha memperdalamkan sungai itu mendapat sokongan penduduk kampung.
- A dalamkan sungai itu
 - B mendalamkan sungai itu
 - C memperdalam sungai itu
 - D memperdalamkan sungai itu

Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 8 I Anak-anak perlulah menghargai ibu-bapa mereka.
- II Kenaikan harga petrol telah menyebabkan kenaikan harga barang.
- III Keluarga bahagia lahir daripada pemupukan kasih sayang yang ikhlas dan jujur.
- IV Fenomena jerebu di negara kita berpunca daripada pembakaran hutan di negara jiran.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 "Saya menyeru agar seluruh rakyat Malaysia mendoakan pasukan bola sepak negara dalam Sukan Olimpik di Tokyo nanti," kata Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

- A Menteri Belia dan Sukan Malaysia mengajak semua rakyat Malaysia berjuang bersama-sama pasukan bola sepak negara dalam Sukan Olimpik di Tokyo nanti.
- B Rakyat Malaysia disuruh oleh Menteri Belia dan Sukan Malaysia supaya berdoa untuk kejayaan pasukan bola sepak negara dalam Sukan Olimpik di Tokyo nanti.
- C Pasukan bola sepak negara di London diseru oleh Menteri Belia dan Sukan supaya berdoa untuk kejayaan dalam Sukan Olimpik di Tokyo nanti.
- D Menteri Belia dan Sukan Malaysia menyeru warganegara Malaysia berdoa agar pasukan bola sepak negara berjaya dalam Sukan Olimpik di Tokyo nanti.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Lelaki itu tidak mempedulikan jirannya yang susah walaupun dia mempunyai wang untuk disedekahkan. Sifat lelaki itu dikatakan bagai
- A isi dengan kuku.
 - B dakwat dengan kertas.
 - C helang hendak menerkam tikus.
 - D enau di dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Soalan 11 - 15

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada Sekuntum Mawar

Sehelai kelopakmu gugur
adalah titis air mata bonda
yang luruh dalam lipatan usia.

Merenuh pada malam yang kematian angin
pada laut yang kematian ombak
seperti telah menutup
pintu kehidupan ini
menjadi sepi dan lara
pada kemusnahan yang tak pernah dipinta.

Sekuntum mawar
bukan melontar harum indahmu
di hujung lembah
tapi mengangkat seri mahkotamu
ke puncak iman.

Dipetik daripada antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*,
Tingkatan 2, Arah Pendidikan Sdn.Bhd.

- 11 Apabila mengetahui maruah anak gadis tercemar, bonda pastinya
- sedih dan merasakan hidupnya tidak bermakna lagi.
 - segera menghantar anaknya ke pusat pemulihan akhlak.
 - kecewa dan marah dengan sikap anaknya yang tidak pandai menjaga maruah.
 - menangis dan menghalau anak gadisnya yang telah temoda dari rumah.
- 12 Apakah persoalan yang terdapat dalam sajak di atas?
- Tanggungjawab setiap rakyat dalam menghormati maruah kaum lain.
 - Perasaan sedih seorang ibu apabila maruah anak gadisnya tercemar.
 - Hukuman yang dijalankan mengikut syarak akan menenangkan pemimpin.
 - Perwatakan yang menarik akan menyebabkan kita disukai oleh ramai orang.
- 13 Apakah nilai yang terdapat dalam rangkap terakhir sajak?
- | | |
|---------------|-----------------|
| A Berdikari | C Keimanan |
| B Patriotisme | D Tanggungjawab |
- 14 Antara berikut, yang manakah bukan pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas?
- Kita haruslah menjaga maruah diri dengan baik agar tidak tercemar.
 - Kita hendaklah menjaga diri supaya hidup tidak musnah.
 - Kita mestilah bersikap rasional sebelum melakukan sesuatu perkara yang dianggap mustahil.
 - Kita hendaklah mengukuhkan iman dalam diri sebagai benteng agar tidak terjebak dengan gejala sosial yang merosakkan diri.
- 15 Antara berikut, yang manakah bukan punca seseorang gadis itu terjerumus dalam masalah sosial?
- Tekanan hidup akibat dibelenggu kemiskinan.
 - Perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru bagidirinya.
 - Sikap individu yang ingin menarik perhatian golongan elit.
 - mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang mengajaknya melakukan perkara negatif.

Soalan 16-20

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Tak payah susah-susah, Syam. Jualkan saja. Berjuta-juta harga tanah ayah tu."
 "Kalau tanah tu jadi wang, wang tak akan kekal. Sebanyak manapun wang, wang akan habis." Mata Hisyam tertancap pada wajah Harun.

"Lalu?"

"Saya dah sebut. Saya bercadang nak menubuhkan syarikat. Kita tiga beradik. Bangunkan tanah itu. Buat kondo. Sebahagian kita milik, sebahagian kita jual."

"Kamu ada duit?"

"Duit boleh pinjam dengan bank."

"Senang kamu cakap, pinjam dengan bank. Kamu tak nampak dah berapa lot tanah di situ tergadai ke bank kerana tak jelas hutang?" Mata Harun merenung tajam pada wajah Hisyam adiknya.

"Nampak. Tapi itu salah pengurusan. Bukan salah tanah."

"Habistu, kamu tak fikir itu semua?"

"Saya dah fikir. Saya dah bincang dengan Kak Halimah. Itu yang saya datang jumpa abang ni."

"Halimah juga sependapat dengan kamu?"

"Ya, bang," Hisyam mengangguk.

"Kamu nak urus? Kelulusan apa kamu ada? Dengan bawa teks, boleh kamu uruskan projek tu?" Wajah Harun kelihatan jengkel pada wajah adiknya Hisyam.

Dipetik daripada Cerpen *Sekeping Tanah*, antologi *Bintang Hati* Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia.

16 Apakah cadangan Hisyam yang tidak dipersetujui oleh abangnya Harun?

- A Menguruskan kondo yang dibina di atas tanah pusaka.
- B Menjual kondo yang dibina di atas tanah pusaka milik ayah mereka.
- C Membuat pinjaman bank untuk membangunkan perniagaan.
- D Menubuhkan syarikat untuk dibuat kondo di atas tanah pusaka ayah mereka.

17 Kita tidak seharusnya memandang rendah terhadap kelulusan orang lain kerana

- A perbuatan itu salah di sisi undang-undang.
- B setiap orang mempunyai kelebihan yang berbeza-beza.
- C perbuatan itu menjadi tauladan untuk generasi seterusnya.
- D setiap orang mempunyai impian dan kehendak mereka sendiri yang mesti diikuti.

18 Yang berikut merupakan persoalan yang tidak terdapat dalam cerpen ini.

- A Hubungan kekeluargaan yang longgar.
- B Kebijaksanaan merencana masa hadapan.

- C Keberanian mengambil risiko yang di luar jangkaan.
- D Menghargai pengorbanan ibu dan ayah yang telah meninggalkan harta pusaka.

19 Berdasarkan keseluruhan cerpen, perwatakan Hisyam ialah

- A seorang yang sangat sensitif.
- B seorang pemandu teksi yang mempunyai tiga orang anak.
- C seorang yang berpendirian tegas dan bijak berhujah.
- D seorang pengurus di sebuah bank yang sangat teliti dalam melakukan sesuatu kerja.

20

Saya bercadang nak menubuhkan syarikat. Kita tiga beradik. Bangunkan tanah itu.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A alah bisa tegal biasa
- B hangat-hangat tahi ayam.
- C bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.
- D belakang parang kalau diasah lagi tajam

Soalan 16 - 20

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Dewan Bahasa dan Pustaka

16 Baris pantun manakah yang menerangkan maksud semangat kerjasama?

- A Orang selimut selalu lelap
- B Sejauh lutut dengan pelipat
- C Malas bergerak tidak merasa
- D Satu memegang satu memikul

17 Dalam rangkap ke-3 pantun, penulis mengingatkan pembaca bahawa

- A walaupun seseorang itu hitam, mereka tetap kelihatan cantik.
- B sifat seseorang berkait rapat dengan perbuatan dan tindakannya.
- C seseorang yang tidak mahu berusaha akan gagal dalam hidupnya.
- D walaupun seseorang itu mempunyai kekurangan, namun mereka juga mempunyai kelebihan.

18 Apakah persoalan yang terdapat dalam rangkap ke-4 pantun?

- A Hubungan yang erat sesama manusia.
- B Sikap malas yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat.
- C Nasib malang boleh diubah jika seseorang itu rajin berusaha.
- D Kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada semua insan.

19

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Unsur gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam baris pantun di atas ialah

- A simile.
- B repetisi.
- C sinkope.
- D responsi.

20 Apakah pengajaran yang terdapat dalam pantun di atas?

- A Kita mestilah bekerjasama dalam melakukan sebarang pekerjaan.
- B Kita haruslah menghormati sesama anggota keluarga.
- C Kita perlulah menyayangi ibu bapa yang telah membesarkan kita dengan penuh kasih sayang.
- D Kita janganlah terlalu mengharapkan sesuatu yang belum pasti menjadi milik kita agar tidak kecewa kelak.

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cikgu Zaleha dikerumuni banyak peminat cilik. Azizah di belakang sekali. Secara tradisi, murid-murid yang membawa hadiah akan dipersilakan untuk menghulurkan hadiah masing-masing ke tangan guru mereka di hadapan tapak perhimpunan. Azizah menahan cunap. Resah menanti giliran menyuarakan hadiah ciptaannya.

"Cikgu ... ini saja yang mampu saya berikan. Jangan buka sekarang, cikgu. Buka di rumah." Azizah merayu kepada Cikgu Zaleha. Jemari nakal Cikgu Zaleha mencubit bucu kertas surat khabar pembalut hadiah daripada Azizah.

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

"Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditengung Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan "besar" itu.

"Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap." Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

"Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?" Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

"Cikgu berbangga kalau Azizah menang tapi kalau Azizah tarik diri ... bermakna Azizah kalah. Yang paling penting, kita sertai peraduan ini kerana peraduan ini menguji daya usaha dan kreativiti kita."

"Tapi" Azizah terharu sebab tercabar. Menganyam memang bukan tugas mudah tetapi kata abang Azman. "Jika kita rajin mencuba dan gigih berusaha, semua perkara tidak mustahil dapat kita laksanakan."

Dipetik daripada cerpen *Hadiah*, antologi *Kuingin Berterima Kasih* Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- | | |
|--|---|
| <p>16 Apakah harapan Cikgu Zaleha kepada Azizah?</p> <ul style="list-style-type: none"> A Azizah dapat mencipta nama dalam bidang seni kraf tangan. B Azizah bersetuju menyertai Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah. C Azizah dapat memberikannya hadiah berupa dua puluh karya anyaman. D Azizah dapat menggunakan bahan semula jadi dalam pertandingan kraf tangan. | <p>17 Kelebihan apabila seseorang menyertai peraduan yang berkait dengan seni kraf tangan ialah</p> <ul style="list-style-type: none"> A dapat menguji daya usaha dan kreativiti. B dapat memupuk semangat cinta akan alam semula jadi. C dapat menguji ingatan seseorang dalam menghasilkan karya bermutu. D dapat menambah pengetahuan dalam bidang seni. |
|--|---|

- 18 "Jika kita rajin mencuba dan gigih berusaha, semua perkara tidak mustahil dapat kita laksanakan."

Peribahasa yang sesuai dengan petikan ialah

- A alah bisa tegal biasa.
 - B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.
 - C ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.
 - D ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
- 19 Yang berikut berkait dengan perwatakan Azizah yang terdapat dalam petikan kecualli
- A seorang yang pendiam.
 - B murid yang serba boleh.
 - C seorang yang suka merendah diri.
 - D murid yang rajin dan kuat berusaha.

- 20 Cerpen *Hadiah* berkesudahan dengan
- A kejayaan Cikgu Zaleha dalam memujuk Azizah.
 - B perbualan rakan-rakan Azizah tentang hadiah hari guru.
 - C kejayaan Azizah dalam Pertandingan Kraf Tangan.
 - D Azizah berjaya menghasilkan tudung saji sebagai hadiah Hari Guru.

BAHAGIAN B

[25 markah]

Soalan 1

- (a) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti. Kenal pasti subjek dan predikat dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian tulis subjek dan predikat pada ruang yang disediakan.

- (i) Perlawanan bola sepak peringkat daerah Kluang berakhir pada petang semalam.

SUBJEK

PREDIKAT

- (ii) Cantik sungguh gadis yang menari itu.

SUBJEK

PREDIKAT


- (iii) Anak Mak Timah berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.

SUBJEK

PREDIKAT

[3 markah]

(b) Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai.



- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

PT3 Set 4

Soalan 2

Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Kamarul berasa puas kerana usahanya telah berhasil untuk menjadi pelari terpantas di Asia Tenggara, walaupun pada mulanya dia menerima tentangan hebat daripada keluarganya. Arwah ayahnya tidak membenarkan Kamarul bergiat aktif dalam sukan olahraga kerana berpendapat bidang tersebut tidak menjamin masa depan. Kamarul tidak mepedulikan kata-kata ayahnya. Dia telah mengubah pendirian arwah ayahnya dengan membuktikan kejayaan dalam akademik dan kokurikulum. Kamarul juga selalu menerima tohmahan daripada masyarakat. Dia hanya bersabar dan cekalkan hati menerima segala cacian tersebut dan menganggap semua itu hanyalah rintangan untuk menjadi pelari terpantas. Berkat kesabarannya, Kamarul berjaya merangkul kejuaraan dan dinobatkan sebagai pelari terpantas.

BAHAN 2

Syahir yang berusia 20 tahun merupakan pemain badminton yang berada di ranking ke-15 dunia terpaksa melakukan pengorbanan yang besar demi merealisasikan hasratnya untuk bergelar juara dunia dalam sukan badminton. Antaranya, Syahir terpaksa berangkat ke Jakarta untuk bertanding dalam Kejohanan Badminton Antarabangsa meskipun pada masa yang sama emaknya sedang terlantar di hospital. Keputusannya itu menyebabkan kakak Syahir menuduhnya sebagai anak yang mementingkan diri sendiri. Syahir juga terpaksa menelan kata-kata sinis ketua jurulatihnya yang bersikap berat sebelah antara dia dengan atlet lain. Malahan, Syahir turut difitnah rakan seperjuangan. Bagaimanapun, Syahir tetap tabah menghadapi segala tohmahan yang dilemparkan tanpa menyimpan dendam. Berkat pengorbanannya itu, perjuangan Syahir untuk bergelar juara dunia dalam sukan badminton menjadi kenyataan.

- (i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kamarul dan Syahir dalam bidang yang diceburi. [3 markah]

- (ii) Berdasarkan kedua-dua petikan, nyatakan persamaan antara Kamarul dengan Syahir. [3 markah]

- (iii) Keputusan Kamarul dan Syahir memilih bidang sukan sebagai kerjaya masa depan wajar menjadi ikutan generasi muda dan perlu diberi pujian serta sokongan oleh pelbagai pihak. Pada pendapat anda, apakah bentuk-bentuk sokongan yang boleh diberikan kepada generasi muda yang berminat menceburi diri dalam bidang tersebut? [4 markah]


Soalan 3

Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.

- (i) Justeru Impian di Jaring karya Zaid Akhtar
- (ii) Tawanan Komander Caucasus karya Ruzaini Yahya
- (iii) Chot karya Azizi Haji Abdullah
- (iv) Hempasan Ombak karya Zailiani Taslim

Watak sampingan merupakan watak yang membantu perkembangan cerita dalam sesebuah novel. Banyak pengajaran yang dapat kita peroleh melalui perwatakan watak tersebut.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji di bawah, nyatakan **satu** pengajaran yang dapat dikaitkan dengan perwatakan watak sampingan yang telah ditetapkan. Bagi setiap pengajaran yang diberikan, haruslah disokong dengan contoh peristiwa yang sesuai.



[10 markah]
